

07 AUG 2001

Arroyo-Rundingan

KL DAN MANILA SETUJU BENDUNG JENAYAH RENTASI SEMPADAN

PUTRAJAYA, 7 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan Filipina hari ini bersetuju untuk memperkukuhkan kerjasama bagi membendung jenayah merentasi sempadan seperti serangan lanun dan penculikan di kawasan perairan kedua-dua negara.

Ini akan dilakukan melalui penyaluran maklumat secara cepat dan meningkatkan operasi maritim, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar kepada pemberita selepas rundingan dua hala antara kedua-dua negara di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai delegasi negara masing-masing ke rundingan itu, yang diadakan pada hari pertama lawatan Arroyo ke Malaysia.

Presiden Filipina itu berada di negara ini untuk lawatan tiga hari.

Dua insiden penculikan membabitkan 24 pelancong asing dari dua buah pulau dekat Sabah oleh kumpulan Abu Sayyaf dari selatan Filipina menunjukkan betapa seriusnya masalah lanun yang berleluasa di perairan kedua-dua negara.

Syed Hamid berkata pada rundingan itu, Kuala Lumpur dan Manila juga bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang seperti tenaga, pertanian, pelancongan dan perdagangan.

Beliau berkata kedua-dua negara juga bersetuju untuk menyambung mesyuarat Suruhanjaya Bersama. Mesyuarat yang lepas dianjurkan oleh Manila.

Mengenai perdagangan, beliau berkata: "Perangkaan perdagangan antara kedua-dua negara bagi tahun 2000 berjumlah RM14.2 bilion, dan ini tentu boleh ditingkatkan".

Syed Hamid berkata Filipina juga mahu melihat lebih banyak pelaburan Malaysia termasuk di kawasan pertumbuhan Asean Timur-Brunei-Indonesia, Malaysia, Filipina (BIMP-EAGA) membabitkan sektor seperti perladangan gula.

Syed Hamid berkata bidang-bidang lain dalam BIMP-EAGA yang memungkinkan kerjasama ialah pembinaan saluran paip gas dari Sabah ke Filipina, perbankan Islam dan perikanan.

Beliau juga berkata kedua-dua negara perlu menyelaraskan undang-undang dan prosedur bagi menarik pelaburan ke negara masing-masing.

Malaysia dan Filipina juga menandatangani memorandum persefahaman untuk meningkatkan pelancongan dan justeru itu, satu kumpulan kerja akan ditubuhkan untuk mengenal pasti bidang-bidang khusus bagi kerjasama.

Mengenai isu pendatang tanpa izin Filipina di Malaysia, Syed Hamid berkata kedua-dua pihak berikrar untuk bekerjasama dan bahawa "kita memang mereka kembali ke Filipina."

Beliau berkata apa yang Filipina mahu ialah apabila pihak berkuasa selesai menyempurnakan dokumen bagi pendatang tanpa izin itu, Kuala Lumpur boleh menghantar mereka balik tanpa perlu melalui proses mahkamah.

"Tetapi mereka sedia pulang asalkan mereka mempunyai pekerjaan. Sebab itulah kerjasama antara kedua-dua negara perlu dalam hal ini," kata beliau.

Syed Hamid berkata Manila berterima kasih kepada pihak berkuasa Malaysia kerana melaksanakan program pemutihan yang membolehkan pengeluaran dokumen perjalanan secara sah kepada 60,000 pendatang tanpa izin Filipina.

Beliau juga berkata Arroyo melahirkan penghargaan kepada Dr Mahathir atas sumbangan Malaysia dalam proses damai membabitkan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) dan kerajaan Filipina dan satu lagi berkaitan penyatuan antara MILF dan Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF).

Sebelum rundingan dua hala, Manila dan MILF menandatangani dokumen mengandungi garis panduan dalam pelaksanaan persetujuan gencatan senjata

yang dicapai di Tripoli, Libya pada Jun lalu sementara MILF dan MNLF secara rasmi memeterai perjanjian perpaduan.

Pada upacara menandatangani kedua-dua persetujuan, Syed Hamid berkata Malaysia akan terus memberi sokongan dan bersedia menjadi perantara bagi rundingan masa depan antara pihak-pihak terbabit.

Mengenai perkata lain, beliau tidak menolak kemungkinan Dr Mahathir melawat Manila sebagai membalas lawatan Arroyo ke sini.

-- BERNAMA

MAM NZ ZS FAZ